

**PERSPEKTIF AWAL PELAJAR TERHADAP KEPERLUAN PEMBELAJARAN
 KOLOKASI BAHASA ARAB DI PERINGKAT PRA-UNIVERSITI**

*Student's Early Perspectives On The Learning Arabic Collocation At
 Pre-university Level*

Amani Nawiiⁱ Nurkhamimi Zainuddinⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author) Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
 Email: amani.nawi88@gmail.com

ⁱⁱ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
 Email: khamimi@usim.edu.my

Article Progress

Received: 20 Oktober 2018

Revised: 10 November 2018

Accepted: 18 December 2018

| Abstrak | Abstract |
|--|--|
| <p><i>Analisis keperluan merupakan salah satu proses awal untuk mengenal pasti keperluan sesuatu program pembelajaran atau modul sebelum ia dibangunkan. Kajian literatur telah menunjukkan bahawa kolokasi merupakan salah satu punca yang menyebabkan para pelajar tidak dapat menguasai kemahiran asas Bahasa Arab dengan baik terutamanya di dalam kemahiran produktif iaitu menulis dan bertutur. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar seterusnya mengenal pasti keperluan pembelajaran kolokasi di peringkat pra-universiti daripada pandangan dan persepsi para pelajar. Reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik telah dipilih bagi mendapatkan data dan kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi mencari taburan kekerapan dan peratusan. Seramai 150 orang pelajar jurusan Syariah dan Undang-undang Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan</i></p> | <p><i>Need analysis is the one of necessary proses of identifying the needs in developing educational program or teaching module. The literature studies have indicate that collocation has been one the constraints which prevent learners from mastering the Arabic skills especially in productive skill for example writing and speaking. The main objective of this study is to identify student's level of collocation knowledge and explain the needs of learning collocation at pre-university level from their perspectives and point of view. Quantitative design using a questionnaire was selected by the researchers to gather the data and then was analyzed using descriptive statistic to find frequency and percentage. A total of 150 students majoring in Syariah and Laws at Tamhidi Center, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) have participated in this study. The findings show that the majority of students learning Arabic as a second language at pre-university level have less knowledge and awareness about collocation. In fact, the findings also indicated that almost all students</i></p> |

| | |
|---|---|
| <p><i>majoriti pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua di peringkat pra universiti mempunyai kurang pengetahuan dan kesedaran tentang aspek kolokasi. Malah, dapatan kajian turut mendapati bahawa hampir keseluruhan pelajar menghadapi masalah ketika menggunakan kata yang berkolokasi dengan kata yang lain ketika membina ayat Bahasa Arab.</i></p> <p>Kata kunci: Analisis keperluan, kolokasi bahasa Arab, kosa kata.</p> | <p><i>having a difficulties concerning words combination in constructing the arabic sentences.</i></p> <p>Keyword(s): Need analysis, Arabic Collocation, Vocabulary.</p> |
|---|---|

PENDAHULUAN

Kolokasi merupakan salah satu aspek leksikal dalam pembelajaran kosa kata. Ia merupakan fenomena universal yang terdapat dalam semua bahasa termasuk bahasa Arab (Nurul Husna & Harun Baharudin, 2016; Abdul Halim & Che Radiah Mezah, 2007). Penguasaan dan pemahaman tentang penggunaan kolokasi memainkan peranan yang sangat penting dalam pemerolehan bahasa kedua. Pengetahuan yang baik terhadap kolokasi menjamin seseorang pelajar itu memahami teks yang dibaca, membina ayat bahkan bertutur dengan baik (Lewis, 2000). Sebaliknya, kelemahan dalam menguasai aspek kosa kata ini akan memberi kesan negatif terhadap usaha pelajar untuk mencapai tahap kemahiran berbahasa yang diinginkan.

Kajian tentang kolokasi mendapat perhatian ramai pengkaji terutama dalam bidang yang berkaitan dengan terjemahan seperti kajian yang dilakukan oleh Saifullah Kamalie (2010), Khalil Hasan (2012), Muhammad Luqman, Pabiyah & Zaitul Azma (2014), aspek perkamusan (Raudhah Al-Harazi, 2011; Majdi Hussein & Muhamad Majid, 2015; Alush Kamal, 2015), aspek pembinaan dan penggunaan korpus linguistik atau pemprosesan bahasa (Ali Akbar, 2000; Crayton Walker, 2011; Nadja & Cornelia, 2002; Yu-Chia, Jason, Hao-Jan & Hsien-Chin, 2008; Elham Mohammadi, 2016). Terdapat juga kajian tentang analisis teks dan kesalahan penggunaan kolokasi (Azlan Shaiful Baharum, Ashwaq Mohammad Salleh & Norhidayah M. Noor, 2017; Fatemeh Ebrahimi-Bazzaz et al., 2015; Chia-Lin Kuo, 2009; Abdul Halim & Che Radiah Mezah, 2007). Manakala kajian kolokasi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua adalah seperti kajian yang telah dijalankan oleh Dina Abdel Salam (2015), Kun-huei Wu (2015), Uraidah Abdul Wahab (2014), Hasliza Abdul Halim (2014), Stuart Webb et al. (2013), Banu (2013), Zahra & M. Raouf (2012) dan seumpama dengannya yang menjurus kepada aspek kolokasi.

Namun begitu, usaha yang dijalankan bagi mengenalpasti keperluan pengajaran dan pembelajaran aspek kolokasi dalam bahasa Arab masih tidak mendapat sambutan oleh para penyelidik. Malah kajian yang berkaitan dengan

aspek kolokasi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kolokasi banyak tertumpu kepada kolokasi bahasa Inggeris. Selain itu, kajian tentang perbendaraan kata bahasa Arab banyak menjurus kepada kepada saiz kosa kata dan makna sahaja, tanpa mendalami dengan lebih dari aspek berkaitan kolokasi seperti pemilihan kata yang sesuai dan penggunaan padanan yang tepat mengikut konteks ayat. Keadaan ini mungkin berpunca daripada kurangnya kesedaran terhadap fenomena kolokasi yang sering dikenal pasti oleh para guru sebagai masalah penguasaan tatabahasa (Abdul Halim & Che Radiah Mezah, 2007; Uraidah, 2014). Kajian kolokasi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kolokasi di semua peringkat pengajian masih tidak mendapat sambutan penyelidik.

Oleh yang demikian, kajian terhadap analisis keperluan ini dianggap salah satu langkah awal dalam proses mengenalpasti masalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran kolokasi dan mencari jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut. Kemahiran dalam memilih dan memadamkan perkataan yang sesuai dilihat sebagai satu kemahiran yang amat penting untuk dikuasai terutama bagi pelajar yang sudah berada di peringkat pra-universiti dan sarjana muda. Kajian ini tertumpu kepada proses mengenalpasti keperluan pengajaran dan pembelajaran kolokasi bahasa Arab di peringkat pra-universiti daripada sudut pandangan pelajar. Hasil kajian yang diperolehi diharapkan dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan kolokasi dan membantu para penyelidik di masa akan datang dalam merangka dan membina modul pembelajaran kolokasi dalam bahasa Arab yang sesuai mengikut tahap pelajar.

KOLOKASI BAHASA ARAB

Kolokasi berasal daripada istilah Bahasa Inggeris iaitu *Collocation* yang telah diperkenalkan oleh Palmer (1938) di dalam kamus beliau yang bertajuk "*A Grammar of English Words*". Beliau mendefinisikan kolokasi sebagai frasa yang mengandungi dua perkataan atau lebih secara kekal dan tidak boleh diubah salah satu daripadanya dengan perkataan yang lain. Konsep kolokasi yang dibawa oleh Palmer (1938) telah mendapat perhatian Abu al-Faraj (1966) dan beliau dikatakan merupakan orang yang pertama yang menggunakan istilah *المصاحبة اللفظية* yang membawa maksud "*collocation*" dalam bahasa Arab.

Terdapat pelbagai definisi bagi istilah kolokasi antaranya ia ditakrifkan sebagai sesuatu perkataan yang mengiringi perkataan lain secara berturutan (Jack C. Richard, 1992). Ia dilihat juga sebagai gabungan dua perkataan atau lebih yang bersifat tetap dan membawa makna yang khusus yang bukan disimpulkan daripada makna perkataan-perkataan yang membentuknya (Husamuddin, 1975; Munir Baalabaki, 1991; Mahmud Ismail As-sini et al., 1997). Dalam erti kata yang lain, kolokasi adalah merupakan perkataan yang mengiringi perkataan yang lain secara tetap dan tidak boleh difahami dengan hanya melihat kepada makna perkataan tersebut secara berasingan.

Konsep kolokasi bahasa Inggeris tidak jauh berbeza daripada konsep kolokasi yang terdapat di dalam Bahasa Arab. Sebagai contoh: perkataan (رغب) biasa digunakan bersama harf jar في yang memberi makna (suka), manakala jika ia berkolokasi dengan harf jar عن, ia akan memberi makna sebaliknya. Contoh lain adalah perkataan يتلو yang sering berkolokasi dengan perkataan القرآن yang memberi makna (membaca Al-Quran) tetapi ia tidak berkolokasi dengan perkataan الكتاب atau المجلة untuk menjelaskan maksud yang sama (Nurul Husan & Harun Baharudin, 2016). Jelas daripada contoh di atas bahawa gabungan perkataan ini membentuk satu frasa yang membawa makna yang baru dan berbeza yang bukan dibawa oleh perkataan-perkataan yang membentuknya. Ia sama sekali tidak boleh diterjemahkan satu persatu bahkan ia dianggap sebagai satu unit kata yang berdiri dengan sendiri dan tidak boleh diubah atau digantikan dengan perkataan sinonimnya yang lain (Mahmud Ismail As-Sini et al., 1997).

BENTUK DAN KLASIFIKASI KOLOKASI DALAM BAHASA ARAB

Menurut Benson & Ilson (1997), kolokasi terbahagi kepada dua iaitu: kolokasi tatabahasa (*grammatical collocation*) dan kolokasi leksikal (*lexical collocation*) (Brashi, 2005). Kolokasi tatabahasa atau lebih dikenali sebagai "*colligation*" didefinisikan sebagai frasa sama ada kata nama, kata kerja atau adjektif yang mengandungi partikel atau preposisi. Manakala kolokasi leksikal ditakrifkan sebagai kombinasi perkataan secara semula jadi (Yusra Al Sughair, 2007). Dalam bahasa Arab, kolokasi mempunyai beberapa pembahagian yang pelbagai dan berbeza. Ini adalah kerana terdapat sarjana yang cenderung kepada rangka konsep bahasa Inggeris dalam mengklasifikasikan kolokasi seperti klasifikasi Al-Rawi (2001), Bahumaid (2006), Emery (1991), Hoogland (2004) dan Hafiz (2004). Manakala terdapat beberapa sarjana seperti Ghazala (2004), Khujaliy (2004) dan Santillan (2009) yang membahagikan kolokasi mengikut tahap linguistik seperti leksikal, sintaksis, semantik dan gaya bahasa (*stylistic*).

Namun, secara umumnya, kolokasi dalam bahasa Arab tidak lari daripada dua bahagian yang penting, iaitu, kolokasi frasa kata kerja dan kolokasi frasa kata nama. Terdapat juga sarjana bahasa Arab yang mengklasifikasikan kolokasi secara lebih terperinci mengikut aspek pembahagian perkataan seperti kolokasi antara kata kerja dan kata nama (KK + KN), kolokasi antara kata nama dan kata adjektif (KN + Adj), kata nama dan kata sendi (KN + KSN), dan sebagainya (Hasan Ghazala, 2007). Selain itu, Emery (1991) membahagikan kolokasi kepada empat kelompok berdasarkan kekuatan maknanya iaitu; (1) Kolokasi terbuka (*Open collocations*), (2) Kolokasi terikat (*Restricted collocations*), (3) Kolokasi berhubung (*Bound collocations*), (4) Peribahasa atau *Idiom*. Seiring dengan itu, Al-Khujaili turut mengklasifikasikan kolokasi bahasa Arab secara semantik kepada tiga jenis iaitu;

kolokasi sederhana atau terbuka, kolokasi pertengahan atau semi-terhad dan kolokasi amat terhad yang mempunyai hubungan leksikal yang sangat kuat.

Kolokasi bahasa Arab mempunyai ciri keistimewaan tertentu yang mana ia bukan sahaja dilihat sebagai aspek makna atau semantik yang mempengaruhi konteks ayat, malah ia turut mengambil berat aspek tatabahasa. Dalam erti kata yang lain, kolokasi bukan sekadar dilihat dari segi kemahiran menggabungkan satu kata dengan kata yang lain, malah pelajar harus bijak menentukan sama ada kombinasi antara perkataan tersebut merupakan kolokasi atau sebaliknya. Antara ciri-ciri kolokasi bahasa Arab yang boleh dikenalpasti ialah, ia terdiri daripada gabungan dua perkataan atau lebih termasuk kombinasi dengan partikel. Selain itu, kedudukan kolokasi bahasa Arab kebiasaannya terletak bersebelahan dan berhampiran. Walaupun terdapat beberapa kolokasi yang terletak berjauhan, namun ikatan yang kuat antara perkataan tersebut tidak dapat dipisahkan. Ini adalah kerana, kolokasi dalam bahasa Arab bersifat fleksibel dalam urutan kata membentuknya. Contohnya, *متنوع الألوان* kepada *الألوان المتنوعة*. Kolokasi bahasa Arab juga dianggap sebagai 'arbitrari' yang bermaksud kombinasi yang sewenang-wenangnya, iaitu gabungan antara perkataan tertentu turut dipengaruhi oleh faktor adat dan budaya masyarakat sesuatu bahasa tanpa ada alasan yang munasabah. Oleh kerana itu, perkataan yang membentuk kolokasi ini tidak dapat diubah atau diganti dengan perkataan yang sama erti atau sinonim dengannya (Saifullah Kamali,2010; Uraidah,2014).

Selain itu, para sarjana Arab telah menggariskan beberapa syarat utama dalam pembentukan kolokasi antaranya keserasian antara perkataan, had jangkauan kolokasi dan keteguhan (Husamuddin,1985). Menurut Al-Wadraniy (2006) pula, kombinasi antara perkataan ditentukan oleh aspek konstruk, keterikatan, semantik, terjemahan dan fungsi. Ini bermakna, gabungan perkataan yang membentuk kolokasi memiliki ciri-ciri tertentu yang boleh dikenal pasti melalui syarat-syarat yang gariskan oleh para sarjana.

KEPENTINGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOLOKASI DI PERINGKAT PRA-UNIVERSITI

Kepentingan pengajaran dan pembelajaran kolokasi telah dibuktikan oleh banyak kajian-kajian lepas. Menurut Lewis (2000), pembelajaran kosa kata secara berkolompok atau mengikut *pattern* dapat mempercepatkan proses pemerolehan bahasa kedua dan menjimatkan masa. Fakta ini ditegaskan lagi oleh Wray (2002) yang mengatakan bahawa walaupun ingatan jangka pendek seseorang manusia hanya mampu mengingat beberapa perkataan dalam satu-satu masa, tetapi mengingat kembali frasa yang bermakna (*meaningful*) lebih mudah berbanding mengingat perkataan secara berasingan. Pelajar yang lebih banyak menguasai perkataan secara gabungan, semakin mudahlah bagi pelajar itu untuk menggunakan sesuatu bahasa secara semulajadi.

Dalam hal ini, J. Hill (2000) menggariskan beberapa kepentingan mempelajari kolokasi antaranya adalah pelajar berfikir dengan lebih mudah tetapi dapat menggunakan perkataan yang kompleks dan tepat, dapat meneka sesuatu perkataan dengan baik setelah terdedah dengan bentuk-bentuk kolokasi secara berulang, meningkatkan tahap kecekapan komunikasi seterusnya meningkatkan kefasihan berbahasa. Nation (2001) turut menegaskan bahawa kolokais memainkan peranan penting dalam mencapai kefasihan bahasa dan pelajar yang memiliki tahap penguasaan kolokasi yang tinggi akan diiktiraf sebagai individu yang mencapai kompetensi komunikasi dan kefasihan yang tinggi.

Santillàn (2009) pula menegaskan bahawa pelajar yang didehakna dengan konsep kolokasi di peringkat awal lebih mudah memahami teks yang dibaca. Ini adalah kerana pelajar dapat menangkap gabungan antara perkataan yang membentuk makna dalam ayat yang dibaca. Pengetahuan terhadap kolokasi turut membantu para pelajar menggunakan kosa kata yang dimiliki dengan betul mengikut konteks ayat khususnya dalam mengaplikasi kemahiran produktif seperti menulis dan bertutur. Oleh itu, pengajaran kolokasi di semua peringkat pengajian terutama di peringkat yang lebih tinggi dapat memupuk pemerolehan leksikal yang lebih berkualiti (Lewis, 2000). Ini adalah kerana pelajar tidak lagi perlu bergantung kepada senarai kosa kata berfrekuensi tinggi, tetapi mempelajari sesuatu perkataan melalui hubungkait makna antara perkataan tersebut (Hoey, 2000).

Kesimpulannya, pengajaran kolokasi dalam pembelajaran bahasa kedua khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi merupakan aspek yang sangat penting dan perlu diambil perhatian secara serious. Mengingati kosa kata secara gabungan lebih mudah diingati berbanding mempelajari perkataan secara berasingan. Pelajar di peringkat ini seharusnya tidak lagi bergantung kepada senarai perbendaharaan kata yang ditetapkan secara berterusan, malah mereka perlu didedahkan dengan konsep kolokasi secara lebih kerap hingga dapat menghasilkan keupayaan menggunakan perkataan secara tepat.

ANALISIS KEPERLUAN

Kajian analisis keperluan pada masa kini semakin mendapat perhatian apabila zaman sudah semakin berubah daripada sistem bertumpukan guru (*teacher-centered*) kepada sistem bermatlamatkan pelajar (*learner-centered*). Analisis keperluan dalam bidang bahasa menurut Brown (1995) adalah proses pengumpulan data secara menyeluruh dan sistematik terhadap pelajar dalam pengkhususan yang tertentu untuk menentukan tahap keberkesanan sesuatu modul, kurikulum atau program dalam memenuhi kehendak dan keperluan pembelajaran bahasa mereka serta mampu mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala Nunan (1988) mentakrifkan analisis keperluan sebagai suatu teknik atau prosedur dalam mengumpulkan maklumat yang dikehendaki


dan menganalisisnya untuk membentuk suatu modul atau program bahasa yang memenuhi keperluan pelajar.

Secara amnya, analisis keperluan adalah syarat wajib yang perlu dilakukan oleh guru-guru atau penggubal kurikulum yang ingin membangunkan modul yang baru atau menambah baik modul yang sedia ada. Ia dianggap satu proses yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan dan kejayaan sesuatu modul bahasa yang dibangunkan (Husaini, Che Radiah Mezah & Nik Farhan, 2015). Hal yang demikian adalah kerana hasil daripada analisis keperluan ini akan memberikan maklumat yang lengkap daripada segala aspek seperti matlamat dan keperluan kelompok sasaran, pengetahuan asas, tahap, halangan atau kekangan, situasi, sukatan pelajaran, teori pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya yang mana aspek tersebut hanya boleh diperolehi melalui analisis keperluan (Najjah Salwa et al., 2012). Oleh itu, proses ini sangat dititik beratkan oleh para sarjana bahasa dalam membangunkan suatu program atau modul penagajaran bahasa bagi mencapai objektif yang diinginkan.

PEMILIHAN MODEL ANALISIS KEPERLUAN

Kajian analisis keperluan perlu dijalankan secara sistematik dan menyeluruh untuk mendapatkan data yang tepat dan praktikal. Dalam hal ini, terdapat beberapa model atau pendekatan analisis keperluan yang telah dicadangkan oleh sarjana bahasa. Ia bergantung kepada objektif yang ingin dicapai oleh pembina modul. Antara model yang boleh digunakan adalah seperti: Model Sociolinguistik (Munby, 1978), Model Analisis Keperluan Sistemik (Richterich & Chancerel, 1977), Model Analisis Keperluan berpusatkan Pembelajaran (Hutchinson & Waters, 1987), Model Analisis Keperluan berpusatkan Pelajar (Berwick & Brindleys, 1989) dan Model berasaskan Tugas (Long, 2005) (Hui-chuan, 2014; Husaini, Che Radiah Mezah & Nik Farhan, 2015).

Dalam kajian ini, para pengkaji telah menggunakan model analisis keperluan atau pendekatan yang berpusatkan pelajar yang telah diperkenalkan oleh Berwick & Brindleys (1989). Rasionalisasi pemilihan model ini adalah kerana pendekatan yang berpusatkan pelajar bukan sekadar mengambil kira faktor luaran atau persekitaran pelajar, malah faktor dalaman. Menurut Brindleys (1989), keperluan adalah disifatkan sebagai keinginan, keperluan emosi, harapan, motivasi, matlamat, dan juga kekangan. Antara aspek analisis keperluan berpandukan model Brindleys adalah seperti rajah di bawah:



Rajah 1: Model Analisis Keperluan Brindleys (1989)

Walaupun model analisis keperluan yang dibangunkan oleh Brindleys (1989) dilihat menganalisis keperluan pelajar secara subjektif (*subjective's need*) kerana menitik beratkan respon pelajar terhadap sesuatu isu, namun ia bukan semata-mata pemerhatian terhadap aspek yang ingin dipelajari oleh pelajar, tetapi ia juga mengambil kira kepada beberapa aspek lain seperti, emosi dan cara pemikiran yang akan mempengaruhi proses pembelajaran, motivasi, sikap, keprihatinan, sahsiah, matlamat dan gaya belajar (Husaini, Che Radiah & Nik Farhan, 2015).

Berdasarkan limitasi kajian, kajian ini hanya akan menghuraikan hasil kajian yang melibatkan keperluan pelajar dalam mempelajari kosa kata Bahasa Arab khususnya dalam aspek kolokasi berdasarkan persepsi awal mereka tanpa menyentuh aspek-aspek lain seperti matlamat, keinginan dan gaya pembelajaran pelajar.

ANALISIS KEPERLUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOLOKASI DI PERINGKAT PRA-UNIVERSITI

Menurut Richards (1984), untuk membangunkan satu modul bahasa yang berkesan, ia perlu melalui beberapa peringkat bermula dengan menentukan keperluan pelajar, penentuan objektif bagi memenuhi keperluan tersebut, penyediaan bahan, pemilihan aktiviti dan pemilihan kaedah penilaian hasil yang sesuai supaya modul yang dihasilkan berjaya memenuhi keperluan asal pelajar. Oleh yang demikian itu, ramai sarjana bahasa menyarankan kajian analisis keperluan ini dijalankan terlebih dahulu sebagai langkah dalam pembangunan suatu silibus atau program bahasa yang baru. Malah ia perlu dijadikan prasyarat

penting dalam menentukan pembentukan objektif atau kandungan suatu program bahasa yang berkesan (Ali R.Fatihi, 2003)

Sebagai langkah awal untuk merealisasikan pembangunan silibus bahasa Arab yang menitik beratkan aspek kolokasi sebagai asas pengajaran dan pembelajaran kosa kata yang praktikal, beberapa faktor yang berkaitan perlu dipertimbangkan seperti aspek polisi bahasa, harapan dan keperluan masyarakat, pengetahuan berkenaan sumber-sumber dan halangan-halangan dalam menentukan kejayaannya (Husaini et al., 2015). Selain itu, aspek situasi, matlamat, sukatan pelajaran, prosedur serta teori pengajaran dan pembelajaran, pengujian dan pengetahuan berkenaan ciri-ciri semulajadi pelajar turut perlu diambil kira bagi memantapkan lagi keberhasilan dan maklumat berkaitan aspek tersebut hanya boleh diperoleh melalui analisis keperluan (Najjah Salwa et.al., 2012).

Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, kajian terhadap keperluan pembelajaran kolokasi mula menarik minat para pengkaji antaranya kajian yang dijalankan oleh Ashinida (1998), Abdul Halim (2002), Abdul Halim & Che Radiah (2007), Aldahesh (2013), dan kajian terkini oleh Azlan Shaiful Baharum, Ashwaq Mohammad Salleh & Norhidayah M.Noor (2017). Kebanyakan kajian analisis keperluan yang dijalankan oleh para penyelidik ini melibatkan analisis kesilapan beberapa bentuk kolokasi dan terjemahannya. Sebagai contoh kajian yang di jalankan oleh Ashinida (1998) melibatkan analisis kesilapan kolokasi berbentuk *al-idafah* dan *al-na'at* manakala kajian Abdul Halim & Che Radiah (2007) menumpukan kepada analisis kesilapan kolokasi yang berbentuk kata kerja dan partikel jar. Manakala kajian Aldahesh (2013) dan kajian Azlan Shaiful Baharum, Ashwaq Mohammad Salleh & Norhidayah M.Noor (2017) melibatkan analisis kesilapan terjemahan kolokasi antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Jika dilihat dari segi instrumen yang digunakan, kesemua kajian ini menggunakan instrumen berbentuk soalan ujian bertulis. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam membezakan kedua-dua aspek tersebut dalam penulisan mereka. Penggunaan soal selidik persepsi pelajar tidak digunakan dalam kajian bagi memahami punca kesilapan pelajar melakukan kesalahan kolokasi dan mengenal keperluan mereka dalam usaha memperkenalkan topik ini kepada pelajar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pembelajaran kosa kata merupakan asas utama dalam mempelajari sesuatu bahasa terutama dalam proses pembelajaran bahasa asing. Kecukupan kosa kata yang dimiliki oleh seseorang pelajar akan membantunya menjana kefahaman dan kejayaan komunikasi. Malah Tammam Hasan et al. (1981) berpendapat bahawa penguasaan kosa kata yang baik akan lebih membantu seseorang pelajar menguasai tatabahasa bahasa Arab. Dalam usaha pelajar menguasai bahasa kedua, mengingati sejumlah kosa kata masih tidak menjamin keupayaan mereka dalam memanfaatkan perkataan tersebut. Justeru, kolokasi merupakan komponen

yang sangat penting yang akan membantu meningkatkan lagi pembangunan kosa kata bahasa kedua.

Fenomena kolokasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia merupakan aspek yang kurang mendapat perhatian oleh para guru berbanding aspek tatabahasa (Uraidah, 2014). Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Halim & Che Radiah Mezah (2007) terhadap 115 pelajar bahasa Arab IPTA Malaysia, tahap penguasaan kolokasi yang melibatkan penggunaan partikal jar, kata nama dan kata kerja masih di tahap yang lemah. Kajian yang sama juga telah dijalankan oleh Rosni Samah (2012a) yang mana hasil kajian turut menunjukkan bahawa antara kelemahan pelajar dalam penulisan adalah disebabkan pemilihan perkataan yang kurang tepat seperti penggunaan kata kerja dengan pelaku yang tidak sesuai. Malah, kajian terkini analisis kesalahan terjemahan teks inggeris-arab yang dijalankan oleh Azlan Shaiful Baharum & Ashwaq (2017) terhadap pelajar jurusan bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendapati bahawa kesilapan terjemahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar adalah menterjemah perkataan yang berkolokasi.

Jelas daripada dapatan kajian berikut bahawa selain daripada penguasaan saiz kosa kata yang minimum, para pelajar tidak mempunyai kemahiran dalam menggabungkan perkataan bersesuaian dengan konteks ayat. Keadaan ini mengakibatkan pelajar menghadapi masalah dari sudut mengaplikasi perbendaharaan kata yang dimiliki secara tepat seterusnya tidak dapat menyampaikan maklumat yang dikehendaki (Abdul Halim & Che Radiah Mezah, 2007). Malah, ketidaktepatan penggunaan kolokasi ini akan mengakibatkan kesilapan makna (J.Hill, 2000; Baharuddin, 2012; Uraidah, 2014). Tambahan pula, menurut James Nalinger (dalam Abdul Halim & Che Radiah Mezah, 2007), dalam proses memahami sesuatu makna, kolokasi merupakan komponen penting dan sangat berguna. Namun begitu, para penyelidik mendapati bahawa aspek ini masih dipandang sepi oleh penulis-penulis buku teks bahasa Arab khususnya di Malaysia (Masoud Hashemi et al., 2012; Amani, 2014).

Oleh yang demikian, para penyelidik ingin menjalankan satu kajian analisis keperluan berkenaan pembelajaran kolokasi yang mana ia merupakan salah satu langkah awal untuk membina sesuatu modul atau kurikulum bahasa yang baru. Kajian ini merupakan tinjauan awal terhadap persepsi pelajar di peringkat pra universiti yang mengikuti program bahasa Arab sebagai bahasa kedua terhadap pembelajaran kolokasi bahasa Arab.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai beberapa objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar pra-universiti tentang kolokasi Bahasa Arab.

2. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap keperluan pembelajaran kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat pra-universiti.

PERSOALAN KAJIAN

Setelah menetapkan objektif kajian, penyelidik akan menjawab beberapa persoalan bagi mencapai objektif tersebut. Persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah pengetahuan pelajar di peringkat pra-universiti terhadap kolokasi Bahasa Arab?
2. Apakah persepsi pelajar terhadap keperluan pembelajaran kolokasi bahasa Arab di peringkat pra-universiti?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana pengkaji telah menggunakan satu set soal selidik bagi mengumpulkan data mengenai persepsi dan pandangan pelajar terhadap pembelajaran kolokasi bahasa Arab di peringkat pra-universiti.

Sample Kajian

Kajian analisis keperluan ini melibatkan sebahagian pelajar bidang Syariah dan Undang-undang yang mengambil subjek Bahasa Arab Penulisan (II) di Pusat Tahmudi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada semester 2, bagi sesi 2017/2018. Responden ini dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) bagi mencapai objektif kajian. Rasionalisasi pemilihan pelajar Syariah dan Undang-undang adalah kerana pelajar ini akan berhadapan dengan teks berbahasa Arab yang mengandungi corak dan gabungan perkataan yang kompleks terutama penggunaan frasa yang melibatkan penggunaan preposisi (Bhatia, 1993; Gibbons, 1994; Cotterill, 2003). Mereka bukan sahaja perlu menguasai sebanyak mungkin kosa kata bahasa namun perlu menguasai kolokasi dengan baik bagi memastikan mereka dapat memahami teks yang dibaca dan dapat menggunakannya dalam penulisan (Kamariah Yunus & Su'ad Awab, 2012). Populasi pelajar yang mengikuti program bahasa Arab ini adalah seramai 168 orang dan penyelidik berjaya mendapatkan data yang sempurna daripada 150 orang pelajar sahaja memandangkan terdapat pelajar yang tidak hadir semasa sesi pengumpulan data dijalankan.

Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada beberapa kajian Abdaoui Mounya (2010) dan telah diubahsuai mengikut objektif kajian ini. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian dalam soal selidik kajian ini adalah seperti berikut: (A) Latar Belakang Responden, (B) Persepsi Pelajar terhadap kolokasi bahasa Arab yang mana ia terdiri daripada lima soalan tertutup. Dari segi pemilihan jawapan, para penyelidik menggunakan pilihan

jawapan dwi dan pelbagai pilihan bagi menunjukkan tahap persetujuan item yang diutarakan. Instrumen kajian ini telah melalui proses kesahan kandungan oleh dua orang pakar dalam bidang kajian.

Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

Teknik soal selidik secara atas talian dan bersemuka telah digunakan. Penyelidik memilih kaedah analisis statistik deskriptif menggunakan perisian (SPSS) bagi mencari kekerapan dan peratusan.

LIMITASI KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti keperluan pengajaran dan pembelajaran kolokasi di peringkat pra-universiti daripada persepsi pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Dalam kajian ini, pengkaji hanya membincangkan dapatan kajian yang berkaitan dengan isu pembelajaran kolokasi tanpa menjelaskan aspek-aspek lain yang diperlukan dalam analisis keperluan bagi mencapai objektif pembentangan.

DAPATAN KAJIAN

Penerangan dapatan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menerangkan secara deskriptif mengenai profil responden kajian. Bahagian kedua pula akan memberikan analisis berkaitan tahap pengetahuan pelajar tentang kolokasi Bahasa Arab daripada pandangan mereka.

Profil Responden Kajian

Sebanyak 1 pelajar-pelajar jurusan Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sains Malaysia terlibat sebagai responden kajian ini. Dapatan bahagian pertama adalah seperti berikut:

Jadual 1: Jantina

| Jantina | Kekerapan | Peratus % |
|----------------|------------------|------------------|
| Lelaki | 46 | 30.7% |
| Perempuan | 104 | 69.3% |
| Jumlah | 150 | 100% |

Jadual (2) menunjukkan 150 orang responden telah menjawab soal selidik terdiri daripada 46 orang pelajar lelaki dan 104 pelajar perempuan. Mengikut peratus, pelajar perempuan memonopoli pelajar lelaki sebanyak 69.3% berbanding 30.7% pelajar lelaki.

Jadual 2: Umur

| Umur | Kekerapan | Peratus % |
|-------------|------------------|------------------|
| 18-21 tahun | 150 | 100% |
| 22-25 tahun | 0 | 0.0% |
| 26-30 tahun | 0 | 0.0% |

| | | |
|---------------|------------|--------------|
| Jumlah | 150 | 100 % |
|---------------|------------|--------------|

Jadual (3) menunjukkan taburan umur responden yang terbahagi kepada tiga kategori yang mana semua responden 100% adalah berumur sekitar 18 -25 tahun. Ini bermakna para pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah tergolong daripada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya.

Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab

Bahagian ini akan membentangkan hasil analisis keperluan tentang pengetahuan pelajar pra-universiti terhadap kolokasi bahasa Arab yang mana ia menjadi fokus utama dalam kajian analisis keperluan ini. Untuk bahagian yang ketiga ini, terdapat lima item yang ditanya kepada responden dan analisis jawapan adalah seperti berikut:

Jadual 3: Tahap pengetahuan kosa kata Bahasa Arab

| 1. Sila berikan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab anda. | Kekerapan | Peratus % |
|---|------------------|------------------|
| Cemerlang | 0 | 0.0% |
| Sangat Baik | 21 | 14.0% |
| Baik | 58 | 38.7% |
| Lemah | 53 | 35.3% |
| Sangat Lemah | 18 | 12.0% |
| Jumlah | 150 | 100 % |

Jadual (8) menunjukkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar pra-universiti secara amnya berada di tahap yang baik iaitu sebanyak 38.7% (n=58) dan hanya 14% (n=21) berada di tahap sangat baik. Dapatan juga menunjukkan 35.3% (n=53) daripada nisbah keseluruhan responden mempunyai tahap penguasaan kosa kata yang lemah diikuti oleh 12% (n=18) di tahap sangat lemah. Penguasaan kosa kata bukan sahaja merangkumi saiz perkataan yang telah diketahui oleh pelajar, tetapi ia juga merangkumi aspek penggunaan yang betul dan pemahaman makna yang mendalam.

Jadual 4: Pengetahuan pelajar tentang kolokasi bahasa Arab

| 2. Adakah anda tahu tentang kolokasi bahasa Arab? | Kekerapan | Peratus % |
|--|------------------|------------------|
| Ya | 44 | 29.3% |
| Tidak | 106 | 70.7% |
| Jumlah | 150 | 100 % |

Dapatan yang dipaparkan di dalam jadual (9) menjelaskan tahap pengetahuan kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar pra universiti. Respon

pelajar telah menunjukkan bahawa hanya 29.3% (n=44) pelajar mempunyai pengetahuan tentang kolokasi bahasa Arab. Manakala majoriti responden iaitu sebanyak 70.7% (n=106) menyatakan bahawa mereka tidak pernah mendengar istilah kolokasi dan tidak mempunyai pengetahuan tentangnya.

Jadual 5: Sumber pengetahuan kolokasi bahasa Arab

| 3. Sekiranya 'ya', daripada mana anda mengetahuinya? | Kekerapan | Peratus % |
|---|------------------|------------------|
| Guru | 28 | 18.7% |
| Rakan-rakan | 5 | 3.3% |
| Kamus | 9 | 6.0% |
| Internet | 2 | 1.3% |
| Buku | 0 | 0% |
| Lain-lain | 0 | 0% |
| Jumlah | 44 | 29.3% |

Soalan ketiga ini adalah khusus kepada responden yang pernah mendengar tentang kolokasi atau mempunyai pengetahuan tentangnya. Soalan susulan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut daripada pelajar mengenai sumber yang telah membantu mereka mempelajari kolokasi. Dapatan menunjukkan bahawa guru adalah sumber utama yang memberi mereka informasi tentang kolokasi iaitu sebanyak 18.7% (n=28) diikuti oleh kamus sebanyak 6% (n=9) Selain itu, rakan-rakan juga merupakan sumber yang tidak kurang pentingnya dalam memberikan maklumat tentang kolokasi iaitu sebanyak 3.3% (n=5) dan diikuti oleh internet sebagai sumber rujukan iaitu sebanyak 1.3% (n=2). Hasil yang dikumpulkan di dalam jadual (10) jelas menunjukkan bahawa tiada seorang pun daripada responden kajian telah merujuk kepada buku-buku untuk mendapatkan maklumat tentang kolokasi bahasa Arab.

Jadual 6: Masalah penggunaan kolokasi bahasa Arab

| 4. Adakah anda menghadapi masalah dalam menggunakan perkataan yang berkolokasi dengan perkataan yang lain ketika membina ayat? | Kekerapan | Peratus % |
|---|------------------|------------------|
| Selalu | 81 | 54.0% |
| Kadang-kadang | 62 | 41.3% |
| Tidak Pernah | 7 | 4.7% |
| Jumlah | 150 | 100 % |

Berikutan daripada tiada atau kurangnya pengetahuan tentang kolokasi bahasa Arab, sebanyak 54% (n=81) responden sering menghadapi masalah dalam membina ayat yang melibatkan perkataan yang berkolokasi dengan perkataan lain manakala 41.3% (n=62) menyatakan masalah ini hanya kadang-kadang

berlaku dan 4.7% (n=7) responden menyatakan bahawa mereka tidak langsung pernah menghadapi masalah yang berkaitan dengan kolokasi ketika membina ayat dalam bahasa Arab.

Jadual 7: Kaedah mempelajari kosa kata

| 5. Pada pendapat anda, bagaimanakah anda boleh mempelajari kosa kata baru dengan lebih baik? | Kekerapan | Peratus % |
|---|------------------|------------------|
| Secara tunggal | 43 | 28.7% |
| Secara gabungan bersama perkataan lain | 107 | 71.3% |
| Jumlah | 150 | 100 % |

Jadual (12) menjelaskan tentang pandangan pelajar tentang kaedah pembelajaran kosa kata yang lebih membantu mereka dalam memahami penggunaan kosa kata dengan lebih baik. Majoriti responden iaitu sebanyak 71.3% (n=107) bersetuju bahawa mempelajari kosa kata bersama perkataan yang berkolokasi dengannya adalah lebih praktikal. Sebaliknya, sebanyak 28.7% (n=43) pelajar kurang bersetuju dengan kaedah ini dan memilih untuk mempelajari perbendaharaan kata bahasa Arab secara tunggal.

PERBINCANGAN KAJIAN

Penyelidik akan membincangkan data statistik kajian yang telah dibentangkan dalam bahagian dapatan kajian, yang mana penyelidik akan menyentuh beberapa aspek utama seperti yang telah dinyatakan dalam objektif kajian. Perbincangan dapatan kajian adalah seperti berikut:

Tahap Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab Pelajar Pra Universiti

Dalam usaha pelajar mempersiapkan diri untuk meneruskan pengajian ke peringkat ijazah di pengajian tinggi, terutama yang menuntut mereka menguasai bahasa Arab dengan baik, saiz kota kata minimum bukan lagi menjadi faktor terpenting sebagai bekalan. Pelajar di peringkat ini seharusnya perlu memiliki tiga kriteria penting iaitu; kecukupan kosa kata, kesesuaian pemilihan perkataan dan keupayaan menggunakan kosa kata yang dikuasai (Rusydee Taemah, 2005; Abdul Razif Zaini, 2015). Walaupun hasil pandangan pelajar menyatakan penguasaan mereka dalam kosa kata berada di tahap yang baik dan memuaskan, namun, dapatan kajian ini telah mendapati majoriti pelajar di peringkat persediaan universiti masih kurang pengetahuan tentang penggunaan kosa kata dan tidak mempunyai kemahiran dalam memadankan perkataan yang sesuai mengikut konteks ayat (rujuk jadual 9). Ia secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa pelajar yang mempelajari bahasa Arab tidak mengambil berat tentang aspek penggunaan kosa kata tetapi hanya menumpukan kepada aspek hafalan atau jumlah kosa kata yang diperlukan. Penyataan ini turut disokong oleh kajian Rosni Samah (2012b) yang mengatakan pelajar harus menghentikan sikap

menghafal perkataan tanpa memahami makna yang sebenar dan bergantung kepada guru dalam memberikan makna perkataan.

Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang besar dalam memberi kesedaran dan input tentang fenomena kolokasi kepada pelajar (Roselan Baki, 2003). Ia turut disokong oleh kajian Arnida Awang et al. (2014) dan kajian Abdul Halim & Che Radiah Mezah (2007) yang mengatakan guru-guru yang mengajar bahasa Arab masih kurang jelas berkaitan fenomena ini dalam aspek pertuturan mahupun penulisan yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan semasa membina ayat. Tambahan pula, sumber-sumber yang berkaitan dengan kolokasi bahasa Arab juga sangat sukar didapati kecuali kamus bahasa Arab khusus yang berkaitan dengan kolokasi (Abdul Halim & Che Radiah Mezah, 2007; Amani Nawi, 2014). Faktor ini juga menyokong hasil kajian penyelidik yang mana tiada seorang pun daripada pelajar merujuk kepada bahan bacaan lain kecuali kamus dalam usaha mendapatkan informasi tentang kolokasi bahasa Arab.

Keperluan Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab Di Peringkat Pra Universiti

Hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik mendapati bahawa terdapat keperluan pengajaran dan pembelajaran kolokasi kepada pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua khususnya di peringkat pra-universiti. Kelemahan dari aspek kolokasi ini telah dikenal pasti daripada respon pelajar yang mana hampir keseluruhan pelajar menghadapi masalah ketika menggunakan perkataan yang berkolokasi dengan perkataan lain ketika membina ayat dalam bahasa Arab (rujuk jadual 11). Dapatan kajian yang diperolehi turut mendapati bahawa proses pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang diamalkan oleh para guru masih tidak berubah dan tertumpu kepada pengajaran perbendaharaan kata secara tunggal tanpa memberikan ilmu atau maklumat tentang perkataan lain yang sering berkolokasi dengan kata tersebut (rujuk jadual 12). Dalam erti kata yang lain, sistem pengajaran bahasa Arab yang diamalkan di Malaysia terlalu memfokuskan kepada aspek tatabahasa. Amalan pengajaran ini sangat bercanggah dengan kebanyakan kajian dalam bidang bahasa seperti kajian (Lewis, 2000; J.Hill, 2000), yang menyatakan bahawa pengajaran kolokasi harus diberikan keutamaan dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa asing untuk memastikan pelajar dapat menguasai dan menggunakan bahasa tersebut dengan fasih seperti penutur asal.

Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh kurangnya kesedaran dalam kalangan para guru tentang kepentingan aspek kolokasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing (Uraidah, 2014). Selain itu, Howarth (1996) turut melihat pengabaian pengajaran dan pembelajaran kolokasi oleh tenaga pengajar akan mengganggu proses kelancaran pembelajaran bahasa kedua seterusnya menyebabkan pelajar sukar untuk menguasai bahasa tersebut. Sehubungan dengan itu, kaedah dan teknik pengajaran kosa kata yang digunakan harus dinilai semula keberkesananannya. Berpandukan kepada hasil kajian analisis keperluan ini, penyelidik mendapati teknik dan aktiviti pengajaran kosa kata bahasa Arab di

peringkat persediaan universiti haruslah memberi penekanan kepada konsep kolokasi secara serious dan mencari alternatif supaya ia dapat disampaikan dengan cara yang lebih menarik.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi daripada persepsi pelajar, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa aspek kolokasi menjadi salah faktor yang menyumbang kepada kesukaran pelajar dalam menguasai kemahiran bahasa Arab. Selain itu, kolokasi juga merupakan bidang yang masih tidak mendapat perhatian ramai sama ada daripada kalangan guru mahupun pengkaji dalam bidang bahasa Arab. Pembangunan kosa kata dalam kalangan pelajar khususnya di peringkat pengajian tinggi seharusnya tidak lagi memberi penekanan kepada jumlah kosa kata yang perlu diingati, tetapi perlulah memberi tumpuan kepada aspek pemilihan, penggunaan, dan kesesuaian padanan kata mengikut konteks ayat dan situasi. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran konsep kolokasi dilihat sebagai satu keperluan yang mana ia merupakan salah satu strategi dalam memperkasakan khazanah perbendaharaan kata yang dimiliki oleh pelajar. Sehubungan dengan itu, huraian dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian seterusnya mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Mohamad dan Che Radiah Mezah. 2007. "Kolokasi: Aspek penting dalam penguasaan bahasa Arab: Satu kajian di kalangan pelajar IPTA". (Paper). *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007*.
- Abdul Halim Mohamad. 2002. *Pembelajaran frasa bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu: satu analisis kesilapan*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya
- Abdul Razif Zaini. 2015. *Pembelajaran Kosa Kata Berfrekuensi Tinggi*. Thesis PhD. Universiti Malaya.
- Amani bt Nawawi. 2014. *Tasmim Wehdat Dirasiyah lil Taa'lum at-Taa'birat al-Istilahiah*. Thesis Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Rawi, Sabah 2001. Rendering Arabic collocation into English. *al-Lisan al-Arabi*. Vol. 52, ms.23-27.

- Ashinida Aladdin. 1998. *Kekeliruan antara al-'idafat dan al-na'at di kalangan pelajar Melayu*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Azlan Shaiful Baharum, Ashwaq Mohammad Salleh dan Norhidayah M.Noor. 2017. *Problems In Translating English-Arabic Collocations Among Students Of Faculty Of Major Languages Studies, Univoersiti Sains Islam Malaysia*. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies. Vol.7. No1.
- Aldahesh, A. Y. 2013. Context Sensitivity and Language Specificity of Arabic Verb-Preposition Structure: *The Case of English Learners of Arabic*. *International Journal of Linguistics*. 5(3), ms.177.
- Ali Akbar Jafarpour. 2000. Data-Driven Learning and Teaching Collocation of Preposition: The Case of Iranian EFL Students. *Research on Foreign Languages Journal of Letters and Humanities*. Issues 49. No.200.
- Ali. R.Fatihi. 2003. The Role of Needs Analysis in ESL Program Design. *South Asian Language Review*. Vol.Xiii, No.1&2.
- Al-Wadrani,A. 2006. "Manzilah al-Mutalazimat fi al-Mu'jam al-Wasit . Dalam al-Dirasat al-Mu'jamiyyat". *Mansyurat al-Jami'iyat al-Maghribiyyat li al-Dirasat al-Mu'jamiyyat*. Rabat. 5,191.
- Alush Kamal. 2015. Nazoriat al-rasfi Wa Afaq Bina Ma'ajim Li at-ta'bir al-istilahi al-arabi. *Majallah al-asari*. No.23.
- Banu Tekingul. 2013. "Collocation teaching effect on reading comprehension in advanced EFL setting". Akdeniz Language Studies Conference 2012. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. Vol.70. Pp1078 – 1089.
- Bahumaid, S. A. 2006. Collocation in English-Arabic Translation. *Babel*. 52(2), 133-152.
- Brindley, G. 1989. The Role of Needs Analysis in Adult ESL Programme Design. Dlm Johnson, K. (Pnyt.) *The Second Language Curriculum*, (pp: 63-78). Cabridge: Cambridge University Press.

- Brown, J. D. 1995. *The Elements of Language Curriculum: A Systematic Approach to Program Development*. New York: Heinle & Heinle.
- Cotterill, J. 2003. *Language and power in court: A linguistic analysis of the O.J. Simpson Trial*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Che Radiah Mezah. 2006. *Analisis kesilapan leksikal dalam karangan bahasa Arab*. Ph.D Thesis. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Chia-Lin Kuo. 2009. An Analysis of the Use of Collocation by Intermediate EFL College Students in Taiwan. *ARECLS*. Vol.6. Pp 141-155.
- Crayton Walker. 2011. How a corpus-based study of the factors which influence collocation can help in the teaching of business English. *English for Specific Purposes*. Vol.30. No.2. Pp101–112.
- Dina Abdel Salam El-Dakhs. 2015. The Lexical Collocational Competence of Arab Undergraduate EFL Learners. *International Journal of English Linguistics*. Vol. 5. No. 5.
- Emery, P. G. 1991. Collocation in modern standard Arabic. *Journal of Arabic Linguistics*. 23(1), 56-65.
- Elham Mohammadi Foomani. 2016. Corpus-Based Versus Traditional Collocation Learning: The Case of Iranian EFL Learners. *Journal of Social Science Studies*. Vol. 3, No. 2.
- F. R. Palmer. 1938. *A Grammar of English Words*. London. Longman.
- Fatemeh Ebrahimi Bazzaz, Arshad Abd Samad, Ismi Arif bin Ismail & Nooreen Noordin. 2015. Verb-Noun Collocations in Written Discourse of Iranian EFL Learners. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*. Vol. 4 No. 4.
- Ghazala, H. 2004. *Essays in translation and stylistics*. Beirut: Dar al-Ilm lilmalayin
- Gibbons, J. 1994. *Language of the law*. London: Longman.

- Habibah bt Mat Rejab. 2016. *Amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Hafiz, al-Tahir 'Abd al-Salam. 2004. *Al-Hafiz Arabic Collocation Dictionary*. Beirut.
- Harun Baharudin. 2014. Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar sekolah Menengah Agama di Malaysia. Tesis PhD, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hasan Ghazala. 2007. *Dar el-ilm's dictionary of collocations*. Lebanon: Dar el-ilm lelmalayen.
- Hasliza Abdul Halim. 2014. *Restricted Verb Phrase Collocations In Standard And Learner Malaysian English*. PhD Thesis. University of Canterbury.
- Hui-chuan Wang. 2014. An Analysis of EFL Learners' Needs for Student-Centered Translation Course Design. *Journal of Study in English Language Teaching*. Vol. 2, No. 1.
- Husam al-Din, Zaki. 1985. *Al-Ta'bir al-Istilahi: Dirasah fi Ta''sil al-Mustalah wa Mafhumiha wa Majalatih al-Dilaliyyat wa Anmatih al-Tarkibiyat*. Qahirah: Maktabah al-Anjlu al-Misriyyah.
- Husaini, Che Radiah Mezah & Nik Farhan. 2015. Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*. Volume 2.
- Husamaddin, K. 1985. *Idiomatic Expressions (in Arabic)*. Cairo: Maktabat Al-Anjilu Al- Masriyah.
- Hutchinson, T. & Waters, A. 1987. *English for Specific Purposes: A Learning-Centered Approach*. Cambridge : Cambridge Unicersity Press.
- Husaini Bin Kasran, Che Radiah Binti Mezah & Nik Farhan Binti Mustapha. 2015. Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*. E-ISSN: 2289-6759 . Volume 2.

- Hoey, M. 2000. "A world beyond collocation: new perspectives on vocabulary teaching". Dalam Lewis, M. 2000. *Teaching collocation: Further developments in the lexical approach* (ms. 224-242). Heinle Cengage Learning.
- Howarth. P. 1996. *Phraseology In English Academic Writing: Some Implications for Language Learning and Dictionary Making*. Tübingen: Niemeyer.
- Hoogland, Jan .1993. Collocation in Arabic (MSA) and the treatment of collocations in Arabic dictionaries. *Arabist: Budapest Studies in Arabic*. No. 6-7, 75-93.
- J. Hill. 2000. "Revising priorities: from grammatical failure to collocation success". Dalam M. Lewis. 2000. *Teaching collocation: Further developments in the lexical approach* (ms.47-69). Heinle Cengage Learning.
- Jack C. Richards. 1992. *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. New York. Longman.
- Kamariah Yunun dan Su'ad Awab. 2012. The Effects of the Use of Module-based Concordance Materials and Data-driven Learning (DDL) Approach in Enhancing the Knowledge of Collocations of Prepositions among Malaysian Undergraduate Law Students. *The International Journal of Learning*. Volume 18, Issue 9.
- Khalil Hasan Nofal. 2012. Collocations in English and Arabic: A Comparative Study. *English Language and Literature Studies*. Vol. 2. No. 3.
- Kun-huei Wu. 2010. The Effect of Teaching Collocations on the Students' Perceptions toward Language Learning. *Studies in English Language Teaching*. Vol. 3, No. 3.
- Lewis, M. 2000. *Teaching collocation: Further developments in the lexical approach*. England: Language Teaching Publication.
- M. Benson, E. Benson & R. Ilson. 1997. *The BBI Dictionary of English Word Combinations*. Philadelphia: John Benjamins.

- Mahmud Ismail As-sini et al. 1997. *al- Muu'jam as-Siyaqi lil at-Ta'birat al-Istilahiah*. Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun.
- Masoud Hashemi, Masoud Azizinezhad & Sohrab Dravishi. 2012. The investigation of collocational errors in university students' writing majoring in English. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 31. Pp555- 558.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Pabiyah Hajimaming & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. Vol. 18(2).
- Majdi Hussein Ahmad Shehatah & Muhamad Majida al-dakhil. 2015. Mafhum al-mutalimat al-istilahiah: Dirasat Tatbiqiah Fi Mu'jam al-mutqin. *Ar-Raniry: Internatonal Journal of Islamic Studies*. Vol. 2. No.2.
- Munir Ba'labakkiy. 1990. *Dictionary of Linguistic Terms*. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malain.
- Najjah Salwa Abd Razak, Zulkarnaen Mohamed, Maheram Ahmad, Ezad Azraai Jamsari. 2012. "Pembinaan Kurikulum Bahasa Arab Berasaskan Analisis Keperluan". *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2012, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Nadja Nesselhauf & Cornelia Tschichold. 2002. Collocations in CALL: An Investigation of Vocabulary-Building Software for EFL. *Computer Assisted Language Learning*. 15:3, 251-279.
- Nation, I. S. 2001. *Learning vocabulary in another language*. Ernst Klett Sprachen.
- Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat & Nurazan Mohmad Rouyan. 2014. Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Nunan, D. 1988. *Syllabus Design*. Oxford: Oxford University Press.

- Nurul Husna dan Harun Baharudin. 2016. "Kolokasi Arab Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Menengah Rendah". (Paper). *Kolokium Pendidikan Bahasa Arab 2016*.
- Rahim Ramly. 2009. "Penguasaan Perbendaharaan Kata bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah Kebangsaan Menerusi Program J-QAF: Satu Kajian Kes". (Paper). *Wacana Pendidikan Islam (peringkat Nusantara) siri ke-7*. pp. 579-588. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Raudhah al-harazi. 2011. *At-ta'birat al-istilahiah Fi Kamus al-mutalimat al-lafziah (english-arabic) lil Hasan Ghazalah, Dirasah Tahliliah*. Disertasi Sarjana. Universiti Yarmouk: Jordan.
- Richards, J. C. 1984. *The Secret Life of Method*. TESOL. Quarterly, 18 (1).
- Roselan Baki. 2003. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rosni Samah. 2012 (a). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama Arabic Sentences Construction Among The Islamic Religious School Graduates. *GEMA Online Journal of Language Studies*, No 12.
- Rosni Samah. 2012 (b). "Isu Pembelajaran Bahasa Arab". (Paper). *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusydee Ta'emah. 2005. *al-Kitab al-Jami'iyy, Mauqi'uh wa Ma'ayiruh wa Musykilatuh*. Cairo.
- S. Brashi A. 2005. *Arabic Collocations: Implications For Translation*. Tesis PhD. University of Western Sydney.
- Saifullah Kamalie. 2010. *Masalah penterjemahan kolokasi bahasa Arab ke bahasa Melayu: Satu kajian teks tafsir*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Santillàn Grimm, P. 2009. Collocation in Modern Standard Arabic revisited. *Zeitschrift für arabische Linguistik*, (51), 22-41.

Stuart Webb, Jonathan Newton & Anna Chang. 2013. Incidental Learning of Collocation. *A Journal of Research in Language Studies*. Vol.63. No1.

Uraidah Binti Abdul Wahab. 2014. *Penggunaan Penyusun Grafik Dalam Penguasaan Kolokasi Bahasa Arab*. Tesis Master. Universiti Malaya.

Wray, A. 2002. Dual processing in protolanguage: performance without competence. *The transition to language*. 113-137.

Yusra Al Sughair. 2007. *The Translation Of Lexical Collocations In Literary Texts*. Master Thesis. College of Arts and Sciences, University of Sharjah. UAE.

Yu-Chia Chang , Jason S. Chang , Hao-Jan Chen & Hsien-Chin Liou. 2008. An automatic collocation writing assistant for Taiwanese EFL learners: A case of corpus-based NLP technology. *Computer Assisted Language Learning*. 21:3, 283-299

Zahra Goudarzi & M. Raouf Moini. 2012. The Effect of Input Enhancement of Collocations in Reading on Collocation Learning and Retention of EFL Learners. *International Education Studies*. Vol. 5, No. 3.

Zainol Abidin Ahmad. 2003. *Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu : Satu Kajian Kes*. Thesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zulkifli Junoh. 2000. *Jumlat ismiyyat dan jumlat fic'liyyat : satu kajian kes terhadap bahasa arab pelajar tingkatan empat dan lima sekolah menengah kebangsaan agama Kelantan*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.